

JANGAN MINTA BUKAN 2

JITRA 16 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan tentukan supaya rakyat mendapat layanan yang baik sebagai langkah segera memenuhi janji untuk mewujudkan pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah.

Di bawah langkah yang sama, kata Perdana Menteri, tindakan-tindakan sedang diambil ke arah menghapuskan segala bentuk penyelewengan di samping memastikan apa juga perbuatan, amalan atau tindakan yang tidak adil tidak akan berlaku di bawah pemerintahan sekarang.

Bagaimanapun, tambahnya, rakyat hendaklah jangan meminta yang bukan-bukan.

Perdana Menteri berucap kepada para penduduk serta penyokong-penyokongnya di kawasan Kubang Pasu dalam majlis kesyukuran di atas kemenangannya dalam pilihanraya yang baru lalu.

Di samping menghapuskan penyelewengan, tegasnya, tindakan-tindakan lain juga sedang diambil untuk memastikan rakyat mendapat layanan yang baik dan adil di bawah pemerintahan sekarang.

Namun begitu, Perdana Menteri mengingatkan, rakyat pula janganlah meminta yang bukan-bukan kerana kerajaan bertanggungjawab memenuhi keperluan setiap rakyat dan bukannya kehendak sesuatu pihak sahaja.

Apa yang penting dan menjadi penekanan pemerintahan sekarang tegas beliau, ialah keadilan dalam memberi khidmat dan layanan kepada rakyat.

"Saya menimbulkan perkara ini kerana terdapat orang-orang yang meminta yang bukan-bukan".

"Janganlah kita sahaja yang hendak dapat segala-galanya hinggakan kalau orang lain dapat, kita nak marah".

"Kita akan tentukan rakyat mendapat layanan yang baik, tetapi ini tidaklah pula bererti semua yang kita mahu mesti diperolehi," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang pulang ke kawasannya bagi kali pertama sejak pilihanraya menegaskan, beliau juga akan pastikan ahli-ahli politik di dalam dan di luar kerajaan serta kakitangan awam dalam menjalankan tugas masing-masing seperti yang diharapkan oleh rakyat.

Dalam hubungan ini katanya, ahli-ahli politik perlu mempunyai hubungan yang baik dengan para pentadbir dalam perkhidmatan awam guna menentukan segala keperluan rakyat berjalan lancar.

Bagaimanapun tegas beliau, amalan bersih, cekap dan amanah di dalam kerajaan sahaja tidak mencukupi untuk menjadikan negara ini tempat yang aman dan bahagia untuk hidup.

"Rakyat juga perlu menjadikan konsep bersih, cekap dan amanah sebagai satu amalan hidup sebelum falsafah ini dapat membawa kesan", katanya.

Perdana Menteri mahukan mereka menambatkan pencapaian masing-masing dengan menjalankan kerja-kerja sampingan seperti menjalankan perusahaan-perusahaan kecil.

Katanya, mereka yang tidak mempunyai kemahiran hendaklah berusaha mempelajarinya memandangkan semakin banyak peluang terbit sekarang berikutan rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan.

"Kita hendaklah berusaha untuk menambahkan pendapatan. Buatlah apa yang patut kerana yang penting ialah kesanggupan kita untuk belajar dan bekerja", tegasnya.